

DALAM DWIBAHASA
ARAB & MELAYU

بِاللُّغَتَيْنِ الْعَرَبِيَّةِ وَالْمَلَايُومِيَّةِ

شِجَاعَةُ عُلَمَائِنَا

KEBERANIAN ULAMA KITA

مَسْرَحِيَّتَانِ تَحْكِيَانِ مَوَاقِفَ الْعُلَمَاءِ مِنْ طَوَاغِيَتِ زَمَنِهِمْ

**DUA BUAH DRAMA BERKISAR TENTANG PENDIRIAN
ULAMA TERHADAP PENGUASA ZALIM ZAMAN MEREKA**

SESUAI DIJADIKAN BACAAN TAMBAHAN & KOMPONEN SASTERA
BAGI PELAJAR BAHASA ARAB PERINGKAT PERTENGAHAN & LANJUTAN



masrahiyyah.weebly.com

Suntingan & Penyeliaan:

Dr Wan Rusli Wan Ahmad
Dr Erfan Abdeldaim

Diubahsuai daripada Teks Asal Bahasa Arab Karya:

Sheikh Dr Yusuf al Qaradhwi (Alim wa Taghiah)
Nawal Mihanni (Sultan al- Ulama)

Sebuah Projek Kelas & Kerja Kursus:

EDLA 4128 (Section 1&2)

Semester 1 2024/25

Kulliyah Pendidikan (KOED)

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

(Senarai nama semua para pelajar terlibat di laman sebelah)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-629-97700-5-3

Diterbitkan oleh:

Al Manar Resources
A18-06, M3, Jalan Madrasah
Taman Melati, 53100
Gombak Kuala Lumpur

Ebook ini dijual dengan harga **RM5**. Sekiranya anda mendapati buku ini bermanfaat, sudikah sekiranya anda dermakan harganya untuk dana aktiviti Majlis Guru Muda Bahasa Arab (CYAT), Kulliyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Sebarang pertanyaan & bayaran, boleh hubungi dengan cara imbas QR ini >>

هَذَا الْكِتَابُ الْإِلِكْتُرُونِي يُبَاعُ بِحَمْسَةِ رُنْحِيَّاتٍ مَالِيَّيَّةٍ، وَإِذَا وَجَدْتَهُ مُفِيدًا، فَهَلْ لَكَ أَنْ تَتَبَرَّعَ بِسَعْرِهِ لِتَمُوِيلِ أَشْطَرَةِ مَجْلِسِ بَرَاعِمِ مُعَلِّمِي اللُّغَةِ الْعَرَبِيَّةِ بِكُلِّيَّةِ التَّرْبِيَةِ بِالْجَامِعَةِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْعَالَمِيَّةِ بِمَالِيَّيَا؟

لِلْأَسْتَفْسَارِ وَالذَّفْعِ، يُمَكِّنُ التَّوَأُّلُ عَنْ طَرِيْقِ مَسْحِ رَمْزِ الْاسْتِجَابَةِ السَّرِيْعَةِ هَذَا <<



<https://www.cyat.wasap.my>



PENAJA UTAMA



رابطة الأدب الإسلامي العالمية بماليزيا

LIGA KESUSASTERAAN ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

International League of Islamic Literature Malaysia

No. Pendaftaran Pertubuhan : PPM-023-10-10022016

Laman web: www.adabislami.weebly.com

PENAJA INDIVIDU

Prof. Dr. Rahmah binti Ahmad H. Osman (IRKHS)

Assoc. Prof. Dr. Abdulhamid Mohamed Ali Zaroum (IRKHS)

PENGHARGAAN KHAS:



Council of Young Arabic Teachers

Kulliyah of Education,

International Islamic University Malaysia (IIUM)

PENTAS & DEWAN:



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
يُونَيْتِي بِيْتِي إِسْلَامِيَّةٌ أَتِيَارُ بَعْثِيَا مِلْدِيَا

Garden of Knowledge and Virtue



Global Arabic Islamic Annual Festival (GARIF) 2024
International Islamic University Malaysia (IIUM)

PEMENTASAN & TERJEMAHAN

تمثيل مسرحية عالم وطاقية

EDLA 4128 SECT 1

PENGARAH

NUR AFIOAH UMAIRAH BINTI SAMSOL BUHARI
MUHAMMAD FARHAN BIN AB RAZAK
NURIN ILYANA BINTI MOHD SUHAIFOL

PELAKON

MUHAMMAD DANISH BIN SAIL (AL-HAJJAJ)
HUSNIZA BINTI MOHD FAUZI (SAID)
NUR RAHATUL AIN BINTI ISMAIL (PENGIRING 1)
BALQIS BINTI ZAINALAZMI (PENGIRING 2)
NOR AQILAH BINTI BURHA (PENGIRING 3)
MUHAMMAD ILHAM BIN MOHD SHAKARE (KETUA POLIS)
MUHAMAD ZAEMURRAHMAN BIN ABD BASIS (PEGAWAI)
MUHAMMAD FATHUL HAKIMI BIN MOHAMAD (HAMBA)
AISYAH AFIFAH BINTI MOHAMAD RADZALI (LELAKI 1)
NUR AZEEMAH BINTI SAMAT (LELAKI 2)
YUSRI BIN JASNID (LELAKI 3)

PENGURUS PENTAS

NURIN 'AISYAH BINTI MD MOKHTAR ASHARI
NUR FAZRIEN NAJWA BINTI MOHD FARID
NUR MAISARAH BINTI ABDUL RAHMAN

SKRIP DAN TERJEMAHAN

SYIFA' AFINI BINTI MOHD ZUSUKI
NUR DIYANA QISTINA BINTI MOHAMAD ANIZAM
MUHAMAD ZAEMURRAHMAN BIN ABD BASIS

STORYBOARD

MUHAMMAD ARIZATUL FADIL BIN ZULKIPLI
NUR NASUHA BINTI MOHD KAMAL
FARAH HUMAIRA BINTI MUHAMAD

PENERBITAN DAN PROMOSI

NUR AFRINA SYAFIOAH BINTI MOHD ASRI
NURUL 'AINI BINTI MOHAMMAD AMRI
NUR NAJIHAH BINTI MUKHTAR

TUGAS KHAS

AUFA ATHIRA BINTI AYUB
NUR BALQIS BINTI RADZUAN
SORFINA AIMAN BINTI MUHAMMAD HILMI
MAIMUNAH BINTI DAUD
NURUL FAQIHA BINTI MOHD SHAFEE

PERSEDIAAN DAN TEKNIKAL

MUHAMMAD LUQMAN HAKIM BIN ABDUL RAHMAN
SITI AISHAH BINTI AZHAR
MUHAMMAD NURHAKIMI BIN NORIZAD SHAH

SENARAI PERKATAAN & MAKNA

قائمة الكلمات والمعاني لمسرحية عالم وطاقية

EDLA 2117

ASNAWIE BIN ABU BAKAR
LUQMAN FIRDAUS BIN SAIPOL BAHRI
MUHAMAD MUNIR IRFAN BIN HERMAN
MUHAMMAD AJWAD BIN MOHAMAD @ AHMAD JOHOR
MUHAMMAD AMMAR HAKIM BIN MOHAMAD ROSIDI
MUHAMMAD FADHLULLAH IQRAM BIN ROSLI
MUHAMMAD IRHAM BIN SHAMSUL KAMAL

PEMENTASAN & TERJEMAHAN

تمثيل مسرحية سلطان العلماء

EDLA 4128 SECT 2

PENGARAH

ALIEYA RAFIDA BINTI MD ARIS

PELAKON

MUHAMAD ALIF HAIKAL BIN SUKERI (SHEIKH)
MUHAMMAD ZIKRIL HAKIM BIN MUHD RUSLAN (SULTAN)
NUR AFIOAH BINTI ZAIDI (BENDAHARA)
HUMAIRA' ADNIIYAH BINTI CHE ISMAIL (PEMBESAR 1)
SYAHIR KHAIRIN BIN SAADON (PEMBESAR 2)
MUHAMAD IRFAN HAKIMI BIN MOHD AMRI (PEMBESAR 3)
MUHAMAD MUHAIMAN NAUFAL BIN NORAZMAN (PEMBESAR 4)
MUHAMMAD AIMAN NAQIB BIN MOHD KAMAL (PEMBANTU)
NURAI SYAH BINTI HALIM (JEMAAH SOLAT 1)
NUR EMYSHA BINTI NORAZLAN (JEMAAH SOLAT 2)
FARRAH FATHIHAH BINTI KHALIT (JEMAAH SOLAT 3)
ALIA SYUKRINA BINTI MOHD ZAMRI (JEMAAH SOLAT 4)
NURUL HUSNA BINTI MOHD ZAINI (JEMAAH SOLAT 5)
LAILATULAUNI NADHIRA BINTI MOHD SUKRI (PEMBELI 1)
ANIS SHAHIRA BINTI ABDUL RAHIM (PEMBELI 2)
MUHAMMAD ANNUR ROYYAN BIN MD SADAKAH (PEMBELI 4)
IMAN SOFEA BINTI FAIRUZ (PEMBELI 5)
MUHAMMAD IRFAD FARHAD BIN JEEPERY (ORANG AWAM 1)
NORWAJIHA BINTI ABDULLAH BA'AWI (ORANG AWAM 2)
ALIEYA RAFIDA BINTI MD ARIS (PEGUAM)
AISYAH HUMAIRA BINTI JOHARI (DAYANG)

NARRATOR

QADISAH BINTI MOHAMMAD BUKHARI

PENGURUS PENTAS

AISYAH HUMAIRA BINTI JOHARI

SKRIP DAN TERJEMAHAN

NUR AFIOAH BINTI ZAIDI
NORWAJIHA BINTI ABDULLAH BA'AWI

STORYBOARD

SAIDATUL AQILAH BINTI SULONG

PENERBITAN DAN PROMOSI

NURULAIN BINTI AMRAN
NUR ALIA SYAHIRAH BINTI MOHD ALIAS
IMAN SOFEA BINTI FAIRUZ

TUGAS KHAS

NUR AMRINA ROSHADA BINTI ABDUL AZIZ
FARIHA HUSNA BINTI MUHAMAD HASANY
UMMU HANI BINTI ABDUL GHANI
NURFARAHIN BINTI ZULKIFLI

PERSEDIAAN DAN TEKNIKAL

NUR FATHIHAH BINTI MOHAMMAD AZRIN
HUMAIRA' ADNIIYAH BINTI CHE ISMAIL
MUHAMMAD IRFAD FARHAD BIN JEEPERY

SENARAI PERKATAAN & MAKNA

قائمة الكلمات والمعاني لمسرحية سلطان العلماء

EDLA 2117

IBTIHAAL BINTI AZLAN
NUR 'AININ SOFIYA BINTI AZHAR
NUR SYAHADAH BINTI AHMAD KAMAL
NURUL NAZILAH BINTI ANUAR
NURUN NASIHAH BINTI ABD MANAF
PUTERI NUR HAYATI BINTI MOHD AMIR SANUSI
SHARIFAH NUR DALILI BINTI SYED SHUIB

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

تمهيد

أَثْبَتَتِ الدَّرَاسَاتُ أَنَّ الدَّرَامَا تُنَمِّي الدَّوْقَ اللُّغَوِيَّ وَالْأَدَبِيَّ عِنْدَ الطَّالِبِ، وَتَجْعَلُهُ مُعَايِشًا لِلُّغَةِ فِي سِيَاقِهَا الطَّبِيعِيِّ، كَمَا تَزَوِّدُهُ بِرِصِيدِ لُغَوِيٍّ مِنْ مُفْرَدَاتٍ وَعِبَارَاتٍ، وَمِنْ خِلَالِهَا أَيْضًا يَتَعَرَّفُ الطَّالِبُ عَلَى ثِقَافَةِ أَصْحَابِ اللُّغَةِ الْأَصْلِيِّينَ. فَمَنْ هَذَا الْمُنْطَلِقِ، حَرَضْنَا كُلَّ الْحَرِصِ عَلَى تَقْدِيمِ هَذَا الْفَنِّ الْأَدَبِيِّ الْجَمِيلِ لِطَلِبَتِنَا فِي الْمَرَحَلَتَيْنِ الْمُتَوَسِّطَةِ وَالْمُتَقَدِّمَةِ لِأَجْلِ الْارْتِقَاءِ بِلُغَتِهِمُ الْعَرَبِيَّةِ.

وَرَأَيْنَا أَنَّهُ مِنَ الْمُفِيدِ جِدًّا جَعَلُ مَسْرِحِيَّةِ عَالِمٍ وَطَاغِيَّةِ لِلشَّيْخِ الدُّكْتُورِ يَوْسُفِ الْقُرْضَاوِيِّ وَمَسْرِحِيَّةِ سُلْطَانَ الْعُلَمَاءِ لِنُوَالِ الْمُهَنْبِيِّ فِي كُتَيْبٍ وَاحِدٍ مَعَ تَرْجُمَتِهِمَا إِلَى اللُّغَةِ الْمَلَايُورِيَّةِ جَنْبًا إِلَى جَنْبٍ؛ لِتَكُونَا مَادَّةً تَرِيَّةً لِلْقِرَاءَةِ الْمُوسَّعَةِ لِأَبْنَائِنَا طَلَبَةِ اللُّغَةِ الْعَرَبِيَّةِ بِوَصْفِهَا لُغَةً ثَانِيَّةً.

وان روسلي بن وان أحمد و عرفان عبد الدايم، كوالا لمبور- ماليزيا، ديسمبر ٢٠٢٤م

MUQADDIMAH

Banyak kajian membuktikan bahawa drama boleh meningkatkan penghayatan bahasa dan kesusasteraan kepada pelajar dan mampu membantunya menikmati bahasa dalam bentuk semulajadi. Bertitik tolak daripada itulah kita begitu bersungguh-sungguh mengetengahkan seni sastera yang indah ini kepada para pelajar kita di peringkat pertengahan dan juga lanjutan dengan matlamat agar dapat meningkatkan kecemerlangan bahasa Arab mereka.

Kita berpandangan bahawa Drama Si Alim dan Penguasa Zalim dan Drama Sultan Ulama ini amatlah berfaedah jika keduanya dihimpunkan dalam sebuah buku kecil bersama terjemahan dalam bahasa Melayu secara sebelah menyebelah. Ia menjadi bahan yang amat berguna bagi aktiviti bacaan extensif bagi anak-anak kita pelajar bahasa Arab sebagai bahasa kedua.

Salam hormat daripada kami :

Wan Rusli bin Wan Ahmad & Erfan Abd Daem

Kuala Lumpur , Malaysia Disember 2024

فَهْرَسُ الْمُحْتَوَيَاتِ
KANDUNGAN

TAJUK	MUKASURAT	رَقْمُ الصَّفْحَةِ	المَوْضُوع
PENGHARGAAN	2-3		شُكْرٌ وَعِرْفَانٌ
MUQADDIMAH	4		تَمْهِيدٌ
SI ALIM & PENGUASA ZALIM	6-30		مَسْرَحِيَّةُ عَالِمٍ وَظَاغِيَّةٌ
SULTAN ULAMA	31- 51		مَسْرَحِيَّةُ سُلْطَانِ الْعُلَمَاءِ
SENARAI PERKATAAN & MAKNA	52-64		قَائِمَةُ الْمُفْرَدَاتِ وَمَعَانِيهَا
RUJUKAN	65		المَرَاجِعُ

عَالِمٌ وَطَاغِيَةٌ

تأليف: الشيخ الدكتور يوسف القرضاوي

المشهد الأول

الحاشية ١ هنيئًا لك أيها الأمير ما أحرزت من نصرٍ على أعداء أمير المؤمنين وأعدائك.

الحاشية ٢ إنَّ العِراقَ كُلَّهُ يَتَحَدَّثُ عَمَّا أَيَّدَ اللهُ بِهِ الخَلِيفَةَ عَلِيَّ يَدِيكَ وَعَنْ هَزِيمَةَ الْفَاتِنِ الْمُفْتُونِ ابْنِ الْأَشْعَثِ وَأَنْصَارِهِ الْمُخْذُولِينَ.

الحاشية ٣ لَقَدْ غَرَّ هُوَلَاءِ الطَّامِعِينَ تَسَامُحُ الْأَمِيرِ وَلِينُ جَانِبِهِ وَشَفَقَتُهُ عَلَى الرَّعِيَّةِ، فَجَرَّاهُمْ ذَلِكَ عَلَى الثَّوْرَةِ وَالْعِصْيَانِ الْمُسَلَّحِ، وَلَكِنَّهُمْ عَلِمُوا مَنْ هُمْ وَمَنْ هُوَ الْحِجَّاجُ!
الحجاج لَقَدْ ظَنَّ ابْنَ الْأَشْعَثِ أَنَّهُ بِانْضِمَامِ الْفُقَهَاءِ إِلَيْهِ مِنْ أَمْثَالِ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ يَسْتَطِيعُ أَنْ يَكْسِبَ الْمَعْرَكَةَ، وَلَكِنْ هَيْهَاتَ، هَيْهَاتَ!

الحاشية ٣ وَلَكِنْ أَيُّهَا الْأَمِيرُ إِيَّاكَ أَنْ تَأْخُذَكَ الرَّأْفَةُ بِأَسْرَى الْمَعْرَكَةِ الَّذِينَ لَمْ يَسْتَسْلِمُوا إِلَّا مُرْغَمِينَ وَصُدُّورُهُمْ تَغْلِي حِقْدًا عَلَيْكَ وَبِخَاصَّةٍ ذَلِكَ الشَّيْخُ الْمُسَمَّى سَعِيدُ بْنُ جُبَيْرٍ.

SI ALIM & PENGUASA ZALIM

Karya : Sheikh Dr Yusuf al Qaradhawi

BABAK PERTAMA

- Pengiring1** Tahniah tuan atas kemenangan yang tuan perolehi daripada musuh-musuh Amirul Mukminin (khalifah) dan musuh juga.
- Pengiring2** Sesungguhnya seluruh Iraq berbicara tentang pertolongan Allah kepada Khalifah melalui tanganmu dan kekalahan Ibnu Asy'ath yang buat angkara dan pengikut-pengikut yang tewas.
- Pengiring3** Sesungguhnya mereka-mereka yang tamak itu telah tertipu oleh sikap bertoleransi tuan, kelembutan tuan, dan belas kasihan tuan terhadap rakyat. Hal ini yang mendorong mereka untuk melakukan revolusi dan pemberontakan bersenjata. Namun kini mereka tahu siapa mereka sebenarnya, dan siapakah Al-Al-Hajjaj!
- Al-Hajjaj** Ibnu Asy'ath menyangka bahawa dengan penyertaan para ulama' bersamanya seperti Said bin Jubair, dia mampu memenangi pertempuran tersebut. Tetapi, jauh panggang dari api !
- Pengiring3** Tetapi, wahai tuan, jangan sekali-kali tuan berlembut dengan tawanan perang yang menyerah diri kerana terpaksa. Hati mereka masih membara dengan dendam kesumat terhadap tuan, khususnya si lelaki tua yang bernama Said bin Jubair.

الحجاج نَحْنُ بِانْتِظَارِ كِتَابٍ مِنْ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ فِي شَأْنِهِمْ وَلَعَلَّهُ
يَصِلُ الْيَوْمَ.

الحاشية ١ أَمِيرُ الْمُؤْمِنِينَ لَا يَأْمُرُ فِيهِمْ بِغَيْرِ السَّيْفِ جَزَاءَ مَا قَدَّمَتْ
أَيْدِيهِمْ، وَمَنْ سَلَّ سَيْفَ الْبَغِيِّ قُتِلَ بِهِ.

الحاجب وَصَلَ بَرِيدُ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ.

الحجاج هُوَ مَا كُنَّا نَنْتَظِرُهُ، إِيْتِنِي بِالْكِتَابِ (يَقْرَأُ الرَّسَالََةَ)

«سَلَامٌ عَلَيْكَ وَعَلَى مَنْ مَعَكَ، أَمَّا بَعْدُ، فَكُلُّ مَنْ شَارَكَ فِي
فِتْنَةِ ابْنِ الْأَشْعَثِ فِي مَعْرَكَةِ الْجَمَاجِمِ فَأَعْرَضَهُ عَلَى السَّيْفِ،
فَمَنْ أَقْرَبَ مِنْهُمْ بِالْكَفْرِ بِخُرُوجِهِ عَلَيْنَا فَخَلَّ عَنْهُ، وَمَنْ أَبَى
وَزَعَمَ أَنَّهُ مُؤْمِنٌ فَأَضْرَبَ عُنُقَهُ وَالسَّلَامُ»

الحجاج أَيُّهَا الْحَاجِبُ، نَادِ رَئِيسَ الشُّرْطَةِ!

رئيس الشرطة لَبَّيْكَ أَيُّهَا الْأَمِيرُ.

الحجاج إِذْهَبْ إِلَى السَّجْنِ فَأَحْضِرِ الْمُتَهَمِينَ بَعْدَ أَنْ تَقْرَأَ عَلَيْهِمْ

كِتَابَ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ.

رئيس الشرطة سَمِعًا وَطَاعَةً أَيُّهَا الْأَمِيرُ.

- Al-Hajjaj** Kita sedang menunggu surat daripada Amirul Mukminin mengenai nasib mereka. Semoga surat itu akan tiba hari ini.
- Pengiring¹** Amirul Mukminin pasti tidak akan menitahkan apa-apa selain hukuman mati sebagai balasan atas apa yang mereka lakukan. Barangsiapa mengangkat pedang pemberontakan, dia akan dibunuh dengan pedang itu juga.
- Pegawai** Surat daripada Amirul Mukminin telah tiba.
- Al-Hajjaj** Inilah yang kita tunggu. Bawakan surat itu ke sini! (Sambil membaca surat). "Salam sejahtera ke atas anda dan mereka yang bersama anda. Adapun selepas itu, sesiapa yang terlibat dalam pemberontakan Ibnu al-Asy'ath semasa Perang Jamajim, acukan mereka dengan pedang. Barangsiapa yang 'kufur' (tidak mengaku) memberontak, bebaskan mereka. Tetapi barangsiapa yang 'beriman' bahawa dia memberontak, penggallah lehernya. Wassalam."
- Al-Hajjaj** Wahai pegawai, panggilkan ketua polis!
- Ketua Polis** Ya, tuan.
- Al-Hajjaj** Pergi ke penjara dan bawakan ke mari orang-orang yang tertuduh itu. Bacakan kepada mereka surat daripada Amirul Mukminin ini terlebih dahulu.
- Ketua Polis** Perintah dijunjung, tuan.

ذَهَبَ رَئِيسُ الشُّرْطَةِ إِلَى السَّجْنِ وَقَرَأَ رِسَالَةَ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ عَلَى الْمُتَّهَمِينَ. بَعْدَ ذَلِكَ، قَامَ بِإِحْضَارِ جَمِيعِ الْمُتَّهَمِينَ لِلِقَاءِ الْحَجَّاجِ.

الحاجب رَئِيسُ الشُّرْطَةِ قَدْ حَضَرَ وَمَعَهُ الْمُتَّهَمُونَ .

الحجاج أَدْخَلَهُمْ وَاحِدًا بَعْدَ الْآخَرِ. عَلَى دِينِ مَنْ أَنْتَ؟

الرجل ١ عَلَى دِينِ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ .

الحجاج إِضْرِبُوا عُنُقَ هَذَا الْكَذَّابِ! أَحْضِرُوا الْآخَرَ! عَلَى دِينِ مَنْ أَنْتَ؟

الرجل ٢ عَلَى دِينِ أَبِيكَ الشَّيْخِ يُوسُفَ!

الحجاج أَمَا وَاللَّهِ لَقَدْ كَانَ صَوَامًا قَوَامًا، خَلَّ عَنْهُ يَا غُلَامَ.

الرجل ٢ يَا حَجَّاجَ! سَأَلْتَ صَاحِبِي، عَلَى دِينِ مَنْ أَنْتَ؟ فَقَالَ :

عَلَى دِينِ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا، فَأَمَرْتُ بِهِ فَقُتِلَ، وَسَأَلْتَنِي نَفْسَ

السُّؤَالِ فَقُلْتُ: عَلَى دِينِ أَبِيكَ الشَّيْخِ يُوسُفَ، فَقُلْتُ: أَمَا

وَاللَّهِ لَقَدْ كَانَ صَوَامًا قَوَامًا، وَأَمَرْتُ بِتَخْلِيَةِ سَبِيلِي .

الحجاج نَعَمْ نَعَمْ!

الرجل ٢ وَاللَّهِ يَا حَجَّاجُ لَوْ لَمْ يَكُنْ لِأَبِيكَ مِنَ السَّيِّئَاتِ إِلَّا أَنَّهُ وَلَدَ

مِثْلَكَ لَكَفَاهُ ذَلِكَ شَرًّا!

الحجاج أَقْتُلُوهُ! أَقْتُلُوا الْحَيْثَ الْمَلْعُونِ! إِضْرِبُوا عُنُقَهُ.

Ketua polis telah pergi ke penjara dan membacakan surat Amirul Mukminin kepada tertuduh. Selepas itu, kesemua yang tertuduh telah di bawa berjumpa dengan Al-Hajjaj.

Pengawal Ketua polis telah tiba bersama para tertuduh.

Al-Hajjaj Bawa mereka masuk seorang demi seorang. Apa agamamu?

Lelaki 1 Aku berada dalam agama Nabi Ibrahim yang lurus dan aku bukan daripada orang-orang yang menyekutukan Allah.

Al-Hajjaj Pancung lelaki pendusta ini! Bawakan tahanan berikutnya! Apa agamamu?

Lelaki 2 Aku berada dalam agama bapamu, Sheikh Yusuf!

Al-Hajjaj Demi Allah, bapaku seorang yang rajin berpuasa dan bersolat malam. Bebaskan lelaki ini!

Lelaki 2 Wahai Hajjaj, engkau tanya kawan aku agama apa, dia menjawab agama Ibrahim. Engkau perintahkan agar dia dibunuh. Tetapi engkau membebaskan aku hanya kerana menyebut nama bapa engkau yang kuat berpuasa dan solat malam?

Al-Hajjaj Ya ..ya!

Lelaki 2 Ketahuilah, wahai Hajjaj. Kalau bapa engkau tiada apa-apa dosa melainkan berdosa kerana melahirkan engkau, itu sudah cukup sebagai satu kejahatan untuknya.

Al-Hajjaj Bunuh lelaki ini! Bunuh lelaki yang laknat ini! Pancung dia!

الحاشية ١ هذا مِنْ تَلَامِيذِ سَعِيدِ ابْنِ جُبَيْرٍ !!

الحجاج أَنْتَ مِنْ تَلَامِيذِ الشَّيْخِ الضَّالِّ الْمُضِلِّ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ؟!

الرجل ٣ لَا!

الحجاج أَوْ تُنَكِّرُ صَلَاتَكَ بِهِ ؟

الرجل ٣ الشَّيْخُ الَّذِي ذَكَرْتَهُ لَا أَعْرِفُهُ ، إِنَّمَا أَعْرِفُ الشَّيْخَ الصَّالِحَ

المُصْلِحَ الْعَالِمَ سَعِيدَ بْنِ جُبَيْرٍ !!

الحجاج الْخَارِجُ عَلَى الْخِلَافَةِ ، وَالسَّاعِي فِي الْفِتْنَةِ ، صَالِحٌ مُصْلِحٌ

أَيُّهَا الْجَاهِلُ الْمُنَافِقُ ؟

الرجل ٣ مَنْ خَرَجَ عَلَى دِينِ اللَّهِ حَقًّا لِلنَّاسِ أَنْ يَخْرُجُوا عَلَيْهِ ،

وَالْفِتْنَةُ حَقًّا هِيَ اضْطِهَادُ الْعُلَمَاءِ وَالصَّالِحِينَ وَتَعْذِيبُهُمْ

بِغَيْرِ حَقٍّ ، أَلَمْ تَقْرَأْ يَا حَجَّاجُ قَوْلَهُ تَعَالَى : (إِنَّ الَّذِينَ فَتَنُوا

الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَتُوبُوا فَلَهُمْ عَذَابٌ جَهَنَّمَ وَلَهُمْ

عَذَابُ الْحَرِيقِ)

الحجاج هَذَا عِلْمُ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ ؟

الرجل ٣ وَاللَّهِ ، هَذَا كَلَامُ اللَّهِ وَكَلَامُ رَسُولِهِ !

الحجاج وَالَّذِي تَحْلِفُ بِهِ ، لَأُحْصِدَنَّكُمْ وَاحِدًا بَعْدَ الْآخِرِ حَتَّى لَا

أُبْقِيَ مِنْكُمْ بَاقِيَةً !

Pengiring1 Ini salah seorang murid Said bin Jubair!

Al-Hajjaj Kamu murid kepada syeikh yang sesat dan menyesatkan, Said bin Jubair?

Lelaki 3 Tidak!

Al-Hajjaj Adakah engkau menafikan hubungan engkau dengannya?

Lelaki 3 Syeikh yang engkau sebut itu aku tidak mengenalinya. Tetapi aku kenal seorang syeikh yang soleh, pendamai umat dan juga alim, iaitu Said bin Jubair!

Al-Hajjaj Orang yang menentang khalifah dan menghasut melakukan kekacauan engkau gelar sebagai soleh dan pendamai umat wahai si jahil munafik?

Lelaki 3 Sesiapa yang keluar daripada agama Allah, maka orang ramai berhak untuk bangkit menentangnya. Fitnah yang sebenar adalah menindas ulama dan orang-orang soleh serta menyeksa mereka tanpa hak. Tidakkah engkau membaca firman Allah: "Sesungguhnya orang-orang yang memfitnah (menyeksa) orang-orang mukmin, kemudian mereka tidak bertaubat, maka bagi mereka azab neraka dan bagi mereka juga azab yang membakar."

Al-Hajjaj Inikah ilmu yang engkau dapat daripada Said bin Jubair?

Lelaki 3 Demi Allah, ini adalah kalam Allah dan sabda Rasul-Nya!

Al-Hajjaj Demi Yang engkau bersumpah dengan-Nya itu, aku akan 'menuai' kamu semua satu persatu sehingga tiada seorang pun yang tinggal!

الرجل ٣ أَنْتَ تَحْصُدُ وَاللَّهُ يَزْرَعُ، فَاَنْظُرْ أَيْنَ قُدْرَةُ الْمَخْلُوقِ مِنْ قُدْرَةِ الْخَالِقِ!؟

الحجاج أَقْتُلُوا هَذَا الْمُتَعَالِمَ، لَعَلَّ شَيْخَكَ الصَّالِحَ الْمُصْلِحَ يَنْفَعُكَ الْيَوْمَ.

الرجل ٣ التَّفْعُ وَالضَّرْبُ يَدِ اللَّهِ (أَلَا لَهُ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ)

الحجاج إِضْرِبُوا عُنُقَهُ.

الرجل ٣ (فَأَقْضِ مَا أَنْتَ قَاضٍ، إِنَّمَا تَقْضِي هَذِهِ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا)

الحجاج مَنْ بَقِيَ مِنْ هَؤُلَاءِ الْمَارِقِينَ؟

رئيس الشرطة بَقِيَ عَامِرُ الشَّعْبِيِّ، وَمُطَرِّفُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ، وَأَمَّا سَعِيدُ بْنُ

جُبَيْرٍ فَقَدْ فَرَّ وَاخْتَفَى كَمَا تَعْلَمُ.

الحجاج أَوْ عَجَزْتُمْ بِقَضِّكُمْ وَقَضِيضِكُمْ عَنْ تَتَبُعِ ابْنِ جُبَيْرٍ

وَالْقَبْضِ عَلَيْهِ؟

رئيس الشرطة أَيْدِ اللَّهِ الْأَمِيرِ، إِنَّ بِلَادَ الْخِلَافَةِ وَاسِعَةٌ، وَفِي اسْتِطَاعَةِ أَيِّ

إِنْسَانٍ أَنْ يَهْرَبَ وَيَخْتَفِيَ أَيَّامًا تَطُولُ أَوْ تَقْصُرُ، وَلَكِنْ لَا

بُدَّ مِنْ مَعْرِفَةِ مَحَبَّتِهِ وَالْعُثُورِ عَلَيْهِ فِي الْقَرِيبِ الْعَاجِلِ.

الحجاج أَبْقُوا الْاِثْنَيْنِ فِي السِّجْنِ حَتَّى نَنْظُرَ بِثَالِثِهِمْ، وَلَنْ يُفْلِتَ

ابْنُ جُبَيْرٍ..! أَنَا الْحِجَاجُ ابْنُ يُوسُفَ!

- Lelaki 3** Engkau boleh 'menuai', tetapi Allah akan menanam kembali. Lihatlah di mana kuasa makhluk dibandingkan dengan kuasa Sang Pencipta?
- Al-Hajjaj** Bunuh lelaki yang buat-buat alim ini! Semoga syeikh engkau yang engkau panggil soleh dan pendamai umat itu dapat menolong engkau hari ini.
- Lelaki 3** Manfaat dan mudarat hanya di tangan Allah. (Ketahuilah, hanya milik-Nya sahaja penciptaan dan segala urusan)
- Al-Hajjaj** Pancung lehernya!
- Lelaki 3** (Hukumilah apa yang kamu mahu hukumkan. Sesungguhnya kamu hanya dapat menghukum di kehidupan dunia ini.)
- Al-Hajjaj** Siapa lagi yang tinggal daripada kalangan pemberontak ini?
- Ketua Polis** Yang tinggal adalah 'Amir al-Sya'bi dan Mutarrif bin Abdullah. Adapun Said bin Jubair, seperti yang tuan sedia maklum, telah melarikan diri dan bersembunyi.
- Al-Hajjaj** Adakah kamu semua ini dengan segala kekuatan kamu, masih gagal mengesan dan menangkap Ibnu Jubair?
- Ketua Polis** Semoga Allah memberikan kemenangan kepada tuan. Wilayah kekuasaan khalifah ini sangat luas. Sesiapa sahaja boleh melarikan diri dan bersembunyi berhari-hari, sama ada panjang atau pendek. Namun, kita akan menemui tempat persembunyiannya serta menangkapnya tidak lama lagi.
- Al-Hajjaj** Biarkan kedua-dua orang ini di penjara sehingga kita dapat menangkap yang ketiga itu. Ibnu Jubair tidak akan terlepas! Aku adalah Al-Hajjaj bin Yusuf!

المشهد الثاني

مَرَّتْ أَيَّامٌ وَاسْتَعْلَلَ سَعِيدُ بْنُ جُبَيْرٍ وَقْتَهُ فِي أَطْرَافِ مَكَّةَ لِيَنْشُرَ
دَعْوَتَهُ بِسِرِّيَّةٍ. وَعَثَرَ وَقِيضَ عَلَيْهِ هُنَاكَ وَسَجِنَ فِي سُجُونِ الْحَجَّاجِ
وَمَعَهُ عَامِرُ الشَّعْبِيِّ وَمُطَرِّفُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ.

الشُّرْطِيُّ مَكَانَكُمْ! عَلِمْتُ أَنَّ فِيكُمْ هُنَا سَعِيدَ بْنَ جُبَيْرٍ، فَأَيُّكُمْ هُوَ؟

التلاميذ (في صوتٍ واحدٍ) أنا!

الشُّرْطِيُّ عَجَبًا! كُلُّكُمْ سَعِيدُ بْنُ جُبَيْرٍ؟

التلاميذ أجل! كُلُّنَا سَعِيدُ بْنُ جُبَيْرٍ.

الشُّرْطِيُّ سَعِيدُ بْنُ جُبَيْرٍ وَاحِدٌ أَمْ عَشْرَةٌ؟

التلميذ ١ أنا سَعِيدُ بْنُ جُبَيْرٍ

التلميذ ٢ لَا تُصَدِّقْهُ... أَنَا سَعِيدُ.

التلميذ ٣ لَا تُصَدِّقْهُ... إِنِّي سَعِيدُ.

الشُّرْطِيُّ إِنَّكَ سَعِيدُ؟

سعيد لَا تُصَدِّقْهُمْ يَا بُيَّيَّ. أَنَا سَعِيدُ، وَهَؤُلَاءِ تَلَامِيذِي.

الشُّرْطِيُّ هَيَّا اتَّبِعْنِي!

BABAK KEDUA

Masa berlalu dan Said bin Jubair memanfaatkan masanya di pinggir Mekah dengan menyampaikan dakwahnya secara tertutup .Namun akhirnya beliau telah ditangkap dan dipenjarakan dalam penjara Al-Hajjaj bersama-sama Amir As-Sya'bi dan Mutarrif bin Abdullah.

Polis Semua jangan bergerak ! Aku dapat tahu ada di kalangan kamu semua di sini ialah Said bin Jubair. Yang mana satu?

Murid-Murid (serentak) Saya !

Polis Ajaib ! Kesemua kamu ini Said bin Jubair !?

Murid-Murid Ya, kami semua Said bin Jubair.

Polis Said bin Jubair itu seorang atau sepuluh orang ?

Murid 1 Sayalah Said bin Jubair !

Murid 2 Jangan percayakan dia ini, saya sebenarnya Said.

Murid 3 Jangan percayakan dia ini, yang sebetulnya sayalah Said.

Polis Adakah kamu Said ?

Said Jangan percayakan mereka semua wahai anakku. Akulah Said. Mereka semua itu murid-murid aku.

Polis Ikut aku !

المشهد الثالث

الحجاج هأثوا شيخ السوء ورأس الفتنة.. من أنت؟

سعيد سعيد بن جبير..

الحجاج بل شقي بن كسير..!

سعيد أمي كانت أعلم باسمي واسم أبي منك..

الحجاج شقيت وشقيت أمك!

سعيد إنما يشقى من كان من أهل النار، فهل اطلعت على الغيب؟

الحجاج لماذا فررت واختفيت هذه المدة كلها؟

سعيد أقول ما قال موسى عليه السلام (فررت منكم لما خفتكم)

الحجاج أتعرض بي؟

سعيد بل أقرر واقعا.

الحجاج أكافر أنت أم مؤمن؟

سعيد ما كفرت بالله منذ آمنت.

الحجاج تدعي الإيمان أيها المنافق!! والله لأوردنك حياض الموت!

سعيد إذن أصابت أمي حين سمّني سعيدا، فأبي السعادة أعظم

من الشهادة في سبيل الله وجوار سيد الشهداء حمزة بن

عبد المطلب؟

الحجاج لن تجاور إلا الخوارج والمارقين ولأبدلك بالدينا نارا تلظى!

BABAK KETIGA

- Al-Hajjaj** Bawa ke sini orang tua yang jahat, ketua pembuat kacau bilau itu. Siapa engkau?
- Said** Aku Said.. (bermaksud 'yang bahagia') anak Jubair (bermaksud 'yang membaiki kerosakan')
- Al-Hajjaj** Bukan, engkau sebenarnya Syaqqiy (si sial) anak Kusair (pemecah)..!
- Said** Ibu aku lebih arif tentang nama aku dan nama ayah aku berbanding engkau...!
- Al-Hajjaj** Kau sial dan ibu kau pun sial!
- Said** Sesungguhnya yang sial itu adalah orang yang menjadi penghuni neraka. Adakah engkau mengetahui perkara-perkara ghaib?
- Al-Hajjaj** Kenapa engkau melarikan diri dan bersembunyi selama ini?
- Said** Aku berkata apa yang diperkatakan oleh Nabi Musa - semasa melarikan diri daripada kezaliman Firaun- (Aku melarikan diri dari kamu ketika aku takutkan kamu?)
- Al-Hajjaj** Engkau menyindir aku ya?
- Said** Sebaliknya aku hanya mengatakan kebenaran.
- Al-Hajjaj** Engkau kufur atau beriman?
- Said** Aku tidak pernah kufur sejak aku beriman kepada Allah.
- Al-Hajjaj** Kau mendakwa beriman, hai si munafik !! Demi Allah, aku akan mencampakkan engkau ke dalam kolam maut.
- Said** Betullah ibuku ketika menamakanku "yang bahagia". Tiada kebahagiaan yang lebih besar daripada syahid di jalan Allah dan berada di sisi penghulu para syuhada' Hamzah bin Abdul Mutalib?
- Al-Hajjaj** Kau tidakkan berada di sisi sesiapa pun selain kaum Khawarij dan orang yang memberontak. Aku akan menukarkan dunia engkau dengan neraka yang membara.

سعيد لو عَلِمْتُ أن ذلك بيدِكَ لَا تَخْذُتْكَ إِلَهًا من دونِ الله!

الحجاج وَيْلَكَ يَا شَقِيًّا!!

سعيد إِنَّمَا الوَيْلُ لِمَنْ زُحِرَ عَنِ الْجَنَّةِ وَأُدْخِلَ النَّارَ.

الحجاج مَا قَوْلِكَ فِي الخُلَفَاءِ؟ وَأَيُّهُمْ أَفْضَلُ؟

سعيد لَسْتُ عَلَيْهِم بِوَكِيلٍ، وَمَا أَنَا عَلَيْهِم بِمُحْفِظٍ.

الحجاج أَيُّهُمْ أَحَبُّ إِلَيْكَ؟

سعيد أَرْضَاهُمْ لِخَالِقِهِ عَزَّ وَجَلَّ.

الحجاج وَمَنْ مِنْهُمْ أَرْضَاهُمْ لِخَالِقِهِ؟

سعيد عَلِمْتُ ذَلِكَ عِنْدَ مَنْ يَعْلَمُ سِرَّهُمْ وَنَجْوَاهُمْ.

الحجاج أَبَيْتَ أَنْ تَصُدَّقَنِي؟!

سعيد بَلْ لَمْ أُرِدْ أَنْ أَكْذِبَ عَلَيْكَ.

الحجاج وَمَا تَقُولُ فِي مُعَاوِيَةَ؟

سعيد قَدْ شَغَلَنِي أَمْرُ نَفْسِي عَنِ تَتَبُعِ أَعْمَالِ الرِّجَالِ وَالْحُكْمِ عَلَيْهِمِ.

الحجاج تَفِرُّ مِنَ الجَوَابِ؟!

سعيد طُوبَى لِمَنْ شَغَلَهُ عَيْبُهُ عَنِ عِيُوبِ النَّاسِ.

الحجاج مَا رَأَيْكَ فِي اقْتِتَالِ عَلِيٍّ وَمُعَاوِيَةَ؟

سعيد تِلْكَ دِمَاءُ طَهَّرَ اللهُ مِنْهَا أَيْدِينَا، فَلِنُظَهِّرْ مِنْهَا أَلْسِنَتَنَا.

- Said** Kalau aku tahu semua itu berada dalam kuasa engkau, sudah pasti aku akan menjadikan engkau ini tuhan selain Allah!
- Al-Hajjaj** Celaka engkau, sial!!
- Said** Sesungguhnya yang celaka itu adalah orang yang dijauhkan dari syurga dan dimasukkan ke dalam neraka.
- Al-Hajjaj** Apa kata engkau tentang para khalifah? Siapa yang terbaik dalam kalangan mereka?
- Said** Aku bukan diutuskan untuk menjaga mereka. Aku bukan orang yang suka jaga tepi kain orang.
- Al-Hajjaj** Siapa yang engkau suka antara mereka?
- Said** Dia yang paling diredhai Pencipta Allah Azza Wajalla.
- Al-Hajjaj** Jadi siapa yang paling diredhai oleh Penciptanya?
- Said** Pengetahuan tentang itu diketahui oleh Yang mengetahui rahsia dan bisikan mereka.
- Al-Hajjaj** Kau tidak mahu bercakap benda betul dengan saya ?
- Said** Tidak, aku tak mahu berdusta kepada kamu.
- Al-Hajjaj** Apa pendapat engkau tentang Muawiyah?
- Said** Aku sibuk dengan diriku sendiri dan tidak berminat menjaga tepi kain orang lain dan menilainya.
- Al-Hajjaj** Engkau mengelak daripada menjawab?!
- Said** Bertuahlah orang yang yang disibukkan dengan aib sendiri daripada sibuk dengan aib orang lain.
- Al-Hajjaj** Apa pendapat engkau tentang pertempuran antara Ali dan Muawiyah?
- Said** Itu adalah darah yang Allah telah bersihkan tangan kita daripada terlibat dengannya. Sama-sama kita bersihkan lidah kita daripada berbicara tentangnya.

الحجاج وَمَا تَقُولُ فِي؟

سعيد أَنْتَ أَعْلَمُ بِنَفْسِكَ!

الحجاج ولكني أريد أن أعرف رأيك.

سعيد إِذْنُ يَسُوءَكَ وَلَا يَسْرَكَ.

الحجاج وَلَوْ.. أريد أن أعرفه.

سعيد أَغْفِنِي.

الحجاج لَا عَفَا اللَّهُ عَنِي إِنْ أَعْفَيْتَكَ.

سعيد إِنَّكَ جَبَّارٌ فِي الْأَرْضِ، مُسْرِفٌ فِي الدَّمَاءِ، وَالرَّسُولُ صَلَّى اللَّهُ

عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ (لَزَوَالِ الدُّنْيَا أَهْوَنُ عَلَى اللَّهِ مِنْ قَتْلِ

أَمْرِي مُسْلِمٍ) فَكَيْفَ يَمَنْ قَتَلَ الْأُلُوفَ مِنَ الْمُسْلِمِينَ؟

الحجاج أَوْ تُرِيدُ أَنْ نَتْرَكَ الطَّامِعِينَ وَالْمُتْرَبِّصِينَ حَتَّى يَفْتِكُوا بِنَا؟

سعيد لَوْ تُرِيدُ الْآخِرَةَ يَا حَجَّاجُ لَمْ تُؤَثِّرْ عَلَيْهَا سُلْطَانَا إِنْ بَقِيَ

الْيَوْمَ زَالَ غَدًا!

الحجاج أَنَا أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنْكَ.

سعيد اللَّهُ أَعْلَمُ بِالْغَيْبِ، وَسَتُوفِي غَدًا كُلَّ نَفْسٍ مَا كَسَبَتْ، وَهَمَّ

لَا يُظْلَمُونَ.

الحجاج أَنَا مَعَ إِمَامِ الْجَمَاعَةِ، وَأَنْتَ مَعَ إِمَامِ الْفُرْقَةِ وَالْفِتْنَةِ.

- Al-Hajjaj** Dan apa pendapat kau tentang aku?
- Said** Kau lebih tahu tentang diri kau!
- Al-Hajjaj** Akan tetapi aku nak tahu pendapat kau?
- Said** Semestinya pendapat aku ini akan menyakitkan engkau dan tidak akan menggembirakan engkau.
- Al-Hajjaj** Walau apa pun, aku tetap ingin tahu.
- Said** Tolong maafkan aku...
- Al-Hajjaj** Allah tidak akan memaafkan aku jika aku memaafkan kau.
- Said** Sesungguhnya engkau adalah orang yang zalim di bumi ini, berlebihan dalam menumpahkan darah. Sabda Rasulullah SAW (Hilangnya dunia lebih ringan disisi Allah daripada terbunuh seorang Muslim) Macam mana pula dengan orang yang telah membunuh ribuan Muslimin?
- Al-Hajjaj** Adakah engkau inginkan kami membiarkan mereka yang ingin merebut kuasa dan memberikan mereka peluang membunuh kami?
- Said** Kalau engkau menginginkan akhirat, pasti engkau tidak akan mengutamakan kuasa yang kalau hari ini ada dan esok pula boleh hilang!
- Al-Hajjaj** Aku lebih dicintai Allah berbanding engkau.
- Said** Allah lebih tahu perkara ghaib. Setiap jiwa akan menerima balasan nanti atas apa yang mereka usahakan dan mereka pula tidak dizalimi.
- Al-Hajjaj** Aku bersama ketua Jamaah, dan engkau pula bersama ketua perpecahan dan fitnah.

سعيد الجماعةُ مَا وَافَقَ الْحَقَّ، وَإِنْ كُنْتَ وَحْدَكَ، كَمَا قَالَ ابْنُ
مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، وَالْفِتْنَةُ هِيَ اضْطِهَادُ النَّاسِ فِي دِينِهِمْ.

الحجاج هذه آراؤك الصَّالَّةُ الَّتِي تُلَقِّنُهَا لِتَلَامِيذِكَ.

سعيد بَلْ هُوَ عِلْمُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَخَذَهُ عَنْهُ
أَصْحَابُهُ، وَرَوَيْنَاهُ مَخْنُ عَنْهُمْ.

الحجاج يَا غَلَامُ، أَحْضِرْ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْكِسْوَةِ وَالْجَوْهَرِ..

الحجاج مَا قَوْلُكَ فِي هَذَا؟

سعيد هُوَ حَسَنٌ إِنْ قُمْتَ بِشَرْطِهِ.

الحجاج وما شرطه؟

سعيد أَنْ تَأْخُذَهُ مِنْ حِلِّهِ، فَتَضَعَهُ فِي حَقِّهِ، وَلَا تَبْخَلَ بِهِ عَنِ أَهْلِهِ.

الحجاج أَتُحِبُّ أَنْ لَكَ شَيْئًا مِنْ هَذَا؟

سعيد لَا أَحِبُّ مَا لَا يُحِبُّ اللَّهُ

الحجاج فَاخْتَرْ لِنَفْسِكَ أَيَّ قِتْلَةٍ تُرِيدُ أَنْ أَقْتَلَكَ!!

سعيد بَلِ اخْتَرْ لِنَفْسِكَ أَنْتَ يَا حَجَّاجَ. فَوَ اللَّهُ مَا تَقْتُلُنِي قِتْلَةً

إِلَّا قَتَلَكَ اللَّهُ مِثْلَهَا فِي الْآخِرَةِ.

الحجاج وَاللَّهِ لَا أَقْتُلَنَّكَ قِتْلَةً لَمْ أَقْتُلْهَا أَحَدًا قَبْلَكَ، وَلَا أَقْتُلْهَا أَحَدًا

بَعْدَكَ!!

سعيد إِذَنْ تُفْسِدَ عَلَيَّ دُنْيَايَ، وَأُفْسِدَ عَلَيْكَ آخِرَتَكَ.

- Said** Jamaah ialah yang menepati kebenaran, walaupun engkau bersendirian. Seperti yang dikatakan oleh Ibnu Mas'ud R.A. fitnah itu ialah menindas manusia kerana agama mereka.
- Al-Hajjaj** Ini pandangan sesat yang engkau sampaikan kepada murid-murid engkau.
- Said** Sebenarnya ini adalah ilmu Rasulullah ﷺ, disampaikan oleh sahabat-sahabat badinda. Kami hanya meriwayatkannya daripada mereka.
- Al-Hajjaj** Wahai budak! Bawakan emas, perak, pakaian dan permata...
- Al-Hajjaj** Apa pendapat engkau tentang benda ini?
- Said** Benda ini baik kalau engkau menunaikan syaratnya.
- Al-Hajjaj** Apa syaratnya?
- Said** Engkau mengambilnya dengan adil, memberikan kepada yang berhak dan tidak menahannya dari mereka yang layak.
- Al-Hajjaj** Tidakkah engkau teringin memiliki benda-benda ini?
- Said** Aku tidak suka apa yang tidak disukai Allah.
- Al-Hajjaj** Jadi, sekarang pilihlah untuk diri engkau cara kematian yang engkau ingin aku bunuh engkau !!
- Said** Sebaliknya engkau pilih untuk diri engkau wahai Hajjaj! Demi Allah, apa saja cara engkau membunuh aku, begitulah Allah akan membunuh balik engkau di akhirat nanti.
- Al-Hajjaj** Demi Allah aku akan membunuh engkau dengan cara yang tidak pernah aku lakukan sebelum dan selepas ini!!
- Said** Jika demikian, engkau merosakkan dunia aku dan aku akan merosakkan juga akhirat kau.

الحجاج يَا غلامُ! السَّيْفُ وَالتَّطْعُ! خذُوهُ!

سعيد هههههه (يضحك)

الحجاج رُدُّوهُ.. أَلَمْ تَقُلْ إِنَّكَ لَمْ تَضْحَكْ قَطُّ..؟

سعيد أَضْحَكُ مِنْ جُرْأَتِكَ عَلَى اللَّهِ تَعَالَى، وَمِنْ حِلْمِ اللَّهِ عَلَيْكَ!

الحجاج أَقْتُلُوهُ.. أَقْتُلُوا هَذَا الرَّجُلَ.

سعيد (وَجَّهْتُ وَجْهِي لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ حَنِيفًا، وَمَا

أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ)

الحجاج وَجَّهُوهُ إِلَى قِبَلَةِ النَّصَارَى، الَّذِينَ تَفَرَّقُوا وَاخْتَلَفُوا بَغْيًا

بَيْنَهُمْ، فَإِنَّهُ مِنْ حِزْبِهِمْ..!

سعيد (وَلِلَّهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ، فَأَيْنَمَا تُولُّوا فَثَمَّ وَجْهُ اللَّهِ)

الحجاج كُتِبَ لَوْجِهِهِ. اجْعَلُوا وَجْهَهُ إِلَى الْأَرْضِ.

سعيد (مِنْهَا خَلَقْنَاكُمْ وَفِيهَا نُعِيدُكُمْ وَمِنْهَا نُخْرِجُكُمْ تَارَةً أُخْرَى).

الحجاج أَقْتُلْهُ، فَمَا أَسْرَعَ لِسَانَهُ بِالْقُرْآنِ!

سعيد أَمَا أَنِّي أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ..

اللَّهُمَّ لَا تُسَلِّطْهُ عَلَى أَحَدٍ يَقْتُلْهُ بَعْدِي.

- Al-Hajjaj** Wahai budak, bawakan pedang dan alas! Ambil dia ini!
- Said** Hahahahaha (ketawa)
- Al-Hajjaj** Bawakan kembali ke sini. Bukankah engkau pernah berkata yang engkau tidak pernah ketawa?
- Said** Aku ketawa kerana keberanian engkau terhadap Allah Ta'ala, dan kemaafan-Nya terhadap engkau!
- Al-Hajjaj** Bunuh dia ! Bunuh orang ini!
- Said** (Aku hadapkan wajahku kepada Zat yang Maha Pencipta langit dan bumi sebagai Muslim yang ikhlas dan aku bukan termasuk dalam kalangan orang yang mensyirikkan Allah)
- Al-Hajjaj** Palingkan wajahnya ke kiblat Nasrani, iaitu kiblat mereka yang berpecah dan bertelagah dengan melampau antara mereka. Sesungguhnya dia daripada kalangan mereka...!
- Said** (Dan Allah jualah yang memiliki timur dan barat, maka ke mana sahaja kamu arahkan wajahmu, maka di situlah juga terdapat wajah Allah)
- Al-Hajjaj** Telingkupkan wajahnya. Biarkan wajahnya ke tanah.
- Said** (Dari bumilah kami ciptakan kamu, dan ke dalam bumi ini juga Kami akan mengembalikan kamu, dan daripadanya pula Kami akan mengeluarkan kamu sekali lagi)
- Al-Hajjaj** Bunuh dia ! Cepat sungguh lisannya memetik ayat al-Quran!
- Said** Ketahuilah bahawa aku bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah, dan Muhammad adalah hamba dan utusan-Nya. Ya Allah, jangan Engkau biarkan dia berkuasa ke atas sesiapa pun yang akan dibunuhnya selepas aku.

المشهد الرابع

يَنَامُ الْحَجَّاجُ عَلَى سَرِيرِهِ، وَيَسْتَعْرِقُ فِي نَوْمِهِ، وَفَجْأَةً يَفْزَعُ وَيَصِيحُ.

الحجاج أَنقِدُونِي! أَنقِدُونِي! أَنقِدُونِي! خَلِّصُونِي مِنْهُ! إِنَّهُ يُرِيدُ أَنْ

يُخَنِّقَنِي يُرِيدُ أَنْ يَقْتُلَنِي!

الغلام مَنْ هُوَ يَا سَيِّدِي؟ لَا أَحَدَ هُنَا!

الحجاج إِنَّهُ هُوَ .. هُوَ .. س .. س .. سَعِيدٌ....

الغلام سَعِيدٌ... مَنْ ؟!

الحجاج وَيَلِكُ! سَعِيدُ بْنُ جَبْرِ، يَأْخُذُ بِخِنَاقِي .. سَيَقْتُلَنِي.

الغلام سَعِيدٌ قُتِلَ مِنْ أُسْبُوعَيْنِ.

الحجاج أَنْتَ تُخَرِّفُ، إِنَّهُ لَمْ يَمُتْ، لَقَدْ رَأَيْتَهُ السَّاعَةَ كَالْجَمَلِ

الهِائِجِ يُرِيدُ أَنْ يَلْتَقِمَنِي.

الغلام هَذِهِ أَوْهَامٌ وَأَضْغَاثُ أَحْلَامٍ يَا سَيِّدِي، سَعِيدٌ مَاتَ .. قُتِلَ ..

أَنْتَ قَتَلْتَهُ.

الحجاج لَا .. لَا .. أَنَا لَمْ أَقْتُلْهُ .. أَنَا لَمْ أَقْتُلْهُ .. هُمُ الَّذِينَ قَتَلُوهُ..

الغلام أَنْتَ أَوْ هُمْ أَلَمْ هُمْ أَنَّهُ قُتِلَ وَمَاتَ وَدُفِنَ.

الحجاج يَا أَحْمَقُ! تُرِيدُ أَنْ تُثْقِنِعَنِي بِمَوْتِ رَجُلٍ كَانَ عَلَى رَأْسِي مِنْذُ

لِحَظَاتٍ، وَيَلُّ لِلْحَجَّاجِ! لَمْ يَعْذُ يُصَدِّقُهُ أَحَدٌ حَتَّى غُلَامُهُ،

أَغْلِقْ عَلَيَّ الْبَابَ وَدَعْنِي!

الغلام سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ تَعَزُّ مِنْ نَشْأَةٍ وَتُذِلُّ مِنْ نَشْأَةٍ، وَإِنَّ ذُلَّ الْحَجَّاجِ

الْيَوْمَ لَبْرَهَانَ عَلَى وُجُودِكَ وَعَدْلِكَ يَا أَحْكَمَ الْحَاكِمِينَ!

BABAK KEEMPAT

Al-Hajjaj sedang tidur di atas katilnya. Terjaga dari tidurnya Tiba-tiba dia berasa cemas dan menjerit.

Al-Hajjaj Tolong aku! Tolong! Tolong! Bebaskan aku darinya! Dia mahu mencekik aku, dia mahu membunuh aku!

Hamba Siapa dia, wahai tuan? Tiada sesiapa di sini!

Al-Hajjaj Dia... dia... S... Sa... Said...

Hamba Said? Siapa?

Al-Hajjaj Sial engkau ini ! Said bin Jubair lah. Dia mahu mencekik leher aku... dia mahu membunuh aku !

Hamba Said telah dibunuh dua minggu lepas.

Al-Hajjaj Engkau yang nyanyuk! Dia belum mati. Aku melihatnya sebentar tadi seperti unta mengamuk. Dia mahu mahu menerkam aku.

Hamba Ini adalah halusinasi dan mainan tidur yang buruk, Tuan, Said telah mati... dibunuh... Tuan yang membunuhnya.

Al-Hajjaj Tidak... tidak... Aku tidak membunuhnya. Aku tidak membunuhnya... Mereka yang membunuhnya.

Hamba Tidak kiralah tuan atau mereka . Yang penting, dia telah dibunuh, sudah mati dan telah dikebumikan.

Al-Hajjaj Si tolol ! Kau mahu menyakinkan aku tentang kematian seorang lelaki yang baru saja berada di hadapan aku ini. Habislah Al-Hajjaj! Tidak ada siapa yang mempercayainya, lagi termasuk hambanya. Tutup pintu dan tinggalkan aku !

Hamba Maha Suci Engkau ya Allah, Engkau memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan menghinakan sesiapa yang Engkau kehendaki. Kehinaan al-Al-Hajjaj hari ini adalah bukti akan kewujudan-Mu dan keadilan-Mu, wahai Yang Maha Bijaksana.

شَبَّحَ سَعِيدٌ فَوَ اللّٰهِ لَا تَقْتُلْنِي قِتْلَةً إِلَّا قَتَلَكَ اللّٰهُ مِثْلَهَا فِي الْآخِرَةِ..

الحجاج لَا تَقْتُلْنِي... لَا تَقْتُلْنِي !

الغلام مَا بِكَ يَا سَيِّدِي؟! هَوْنٌ عَلَيْكَ.. لَا تَخَفْ !

الحجاج كَيْفَ لَا أَخَافُ؟! إِنَّ شَبْحَهُ لَا يُفَارِقُنِي، إِنَّهُ أَمَامِي هَاهُوَ، أَلَا تَرَاهُ؟

الغلام يَا عَجَبًا!! الْحَجَّاجُ الَّذِي أَخَافُ الْأُفُوفَ يَخَافُ الْيَوْمَ مِنْ شَبْحِ!!

الحجاج إِنَّهُ لَيْسَ شَبْحًا يَا غَيِّي ! إِنَّهُ سَعِيدٌ بِشَحْمِهِ وَلَحْمِهِ.. إِنَّهُ

مُصِرٌّ عَلَى قَتْلِي..

الغلام وَلِمَ هَذَا الْخَوْفُ مِنَ الْقَتْلِ؟ طَالَمَا قَتَلْتَ الْأُفُوفَ، فَذُقْ

الْيَوْمَ طَعْمَ الَّذِي أَدَقَّتَهُ لِلنَّاسِ.

